

Tiada tekanan terhadap komponen BN

KUCHING, Jumaat — Barisan Nasional (BN) Pusat tidak pernah mengenakan tekanan kepada mana-mana parti komponennya, termasuk di Sabah dan Sarawak dalam membuat sesuatu keputusan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Selaku Pengerusi BN dan pemimpin Kerajaan Pusat, Perdana Menteri berkata, beliau tidak pernah menekan sesiapa, manakala parti komponen BN bebas membuat keputusan masing-masing.

Sambil menyifatkan dakwaan kononnya Kerajaan Pusat menekan BN Sarawak menerima semula kemasukan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) dan hubungan antara beliau dan Ketua Menteri Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, sebagai sengaja diada-adakan, Perdana Menteri berkata:

"Sebenarnya saya tidak faham kenapa adanya sangkaan ini. Sangkaan ini sebenarnya dibuat oleh orang asing kerana mereka sejak awal lagi tidak ingin melihat perpaduan dicapai oleh negara.

"Sehubungan itu, mereka sengaja mengadakan cerita yang tidak ada seperti wujudnya perselisihan di antara Kerajaan Pusat dan negeri serta sesama parti komponen BN. Semuanya ini diada-adakan."

Memberitahu pemberita di sini hari ini, sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur beliau berkata, selain rakyat asing, ada individu atau kumpulan tertentu di Kuala Lumpur, Sabah dan Sarawak yang mahu menjatuhkan kerajaan melalui cara yang tidak halal.

Sehubungan itu, tegas Perdana Menteri,

Oleh MANJA ISMAIL

amarannya bahawa Kerajaan Pusat tidak akan teragak-agak mengambil tindakan terhadap sesiapa yang bertindak di luar undang-undang untuk merampas kuasa, bukan sahaja ditujukan kepada Sarawak, malah seluruh negara.

Menurutnya, kenyataan itu dibuat di Sarawak kerana laporan akhbar baru-baru ini. Bagaimanapun, kewujudan individu atau kumpulan yang berminat merebut kuasa di luar undang-undang berlaku di banyak tempat.

Pembangkang

"Kita sudah menunjukkan pendirian baru-baru ini walaupun kita tidak ingin terlalu keras atau tidak adil. Namun ia tidak bermakna kita tidak mampu atau tidak berani mengambil tindakan ke atas mereka yang menghasut rakyat dan bertindak di luar undang-undang untuk merebut kuasa," tegasnya.

Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan, kedudukan PBDS yang menjadi pembangkang di negeri ini tetapi gabungan BN Pusat adalah masalah yang perlu ditentukan oleh BN Sarawak.

"Keadaan ini bukanlah sesuatu perkara yang luar biasa kerana di Sabah juga ada dua parti komponen BN yang satu menjadi kerajaan dan satu lagi pembangkang. Walaupun aneh, perkara ini agak biasa di Malaysia.

"Saya yakin keadaan ini tidak menjejaskan pentadbiran dan terpujanglah kepada BN Sarawak menyelesaikan perkara ini. Bagi BN dan Kerajaan Pusat, kami tidak ada masalah dan boleh bekerjasama dengan semua pihak," katanya.

Sama ada BN Sarawak harus mengund-ang semula PBDS atau parti itu memohon bagi menyertai semula kerajaan negeri, Perdana Menteri berkata, dalam politik tidak ada surat jemputan atau surat permohonan.

"Dalam politik, kalau nak bersatu, bersatulah...begitu sahaja. Kalau mereka tak nak bersatu pun, dalam politik kita tidak mempunyai tindakan secara rasmi," katanya.

Mengenai hubungannya dengan Tan Sri Taib, beliau berkata: "Saya tidak tahu lagi apa nak kata. Macam mana lagi nak tunjuk yang kita tidak ada masalah...takkah saya nak kena tinggal di Sarawak lama-lama atau duduk di rumah Tan Sri Taib. Dalam politik, sudah memadai kita menyatakan pendirian."

Sambil menyifatkan laporan Far Eastern Economic Review berhubung perkara itu langsung tidak berasas, beliau berkata jika majalah itu hendak dipercayai, semuanya mengenai Malaysia tidak baik walaupun keadaan sebenar adalah di sebaliknya.

Perdana Menteri juga berkata, Sarawak mempunyai potensi besar di bidang pelancongan apabila Perkampungan Budaya di Pantai Damai dibuka dan landasan terbang di Mulu siap tidak lama lagi.